

Mentransformasi Luar Bandar untuk Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat

PENGENALAN

RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH, 2011-2015: KEMAJUAN

Menyediakan Infrastruktur Asas Luar Bandar
Menambah Baik Penyampaian Perkhidmatan
Memperkukuhkan Aktiviti Ekonomi,
Menggalakkan Keusahawanan dan Memperkasa
Komuniti

ISU DAN CABARAN

Keupayaan Modal Insan yang Rendah
Pendapatan yang Rendah dan Peluang
Pekerjaan yang Kurang Menarik
Infrastruktur dan Kemudahan Asas Luar Bandar
yang Tidak Mencukupi
Kekurangan Sinergi dalam Mekanisme
Pelaksanaan
Produktiviti Rendah dan Kekurangan Integrasi

RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS, 2016-2020: HALA TUJU

Memperkukuhkan Aktiviti Ekonomi Luar Bandar
Mempertingkatkan Keupayaan Modal Insan
Memperluas Penyediaan Infrastruktur Asas Luar
Bandar dan Perkhidmatan Asas yang Berkualiti
Memperkemaskan Sistem Penyampaian

KESIMPULAN

Kertas Strategi

4

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Pengarah
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Blok B5 & B6
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
MALAYSIA

<http://www.epu.gov.my>

Tel.: 603-8000 8000

Faks.: 603-8888 3755

Hakcipta Penerbit ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri**.

I. PENGENALAN

4.1 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), 2011-2015, pembangunan luar bandar diberi keutamaan untuk mempertingkatkan inklusiviti, selaras dengan perkembangan ke arah mencapai negara maju yang inklusif. Pembangunan luar bandar memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar dan merangsang aktiviti ekonomi yang berasaskan pembangunan tanah dan sumber asli. Penekanan juga diberikan kepada penyediaan infrastruktur asas luar bandar, yang telah meningkatkan liputan bekalan air dan elektrik serta jalan di seluruh negara.

4.2 Bagi meneruskan pencapaian ini, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020, Kerajaan mengguna pakai pendekatan serampang dua mata bagi membangunkan masyarakat luar bandar. Pertama, menambah baik program sedia ada untuk menghasilkan outcome yang disasarkan dan kedua, memperkukuh dan menyelaras mekanisme pelaksanaan antara agensi berkaitan. Usaha akan ditumpukan kepada menggalakkan lebih banyak pelaburan swasta, menambah baik hubungan antara luar bandar dengan bandar, memperluaskan pelaksanaan program di bawah konsep Kampung Abad ke-21, menggalakkan penggunaan teknologi moden, memperkasa komuniti usahawan luar bandar, menggalakkan koperasi dipacu komuniti, meningkatkan penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan asas luar bandar yang berkualiti dan mewujudkan Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional.

II. RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH, 2011-2015: KEMAJUAN


4.3 Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat luar bandar, meliputi penggubalan Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB) dan Model Baru Ekonomi Luar Bandar (MBELB) pada tahun 2010, dan Program Transformasi Luar Bandar (RTP) pada tahun 2012. Objektif PIPLB adalah untuk membangunkan luar bandar menjadi kawasan yang menarik, menguntungkan dan selamat dengan masyarakat yang progresif dan berpengetahuan. Pelan ini menggariskan tujuh teras, antaranya memanfaatkan modal insan dan memperkasakan masyarakat luar bandar, membangunkan ekonomi berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju, dan menyediakan infrastruktur asas, utiliti dan kemudahan awam secara menyeluruh. MBELB menekankan kepada pembentukan usahawan berdaya saing, rantai bekalan produk yang kukuh serta memupuk kerjasama antara pihak swasta dan komuniti dalam memacu aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan yang tinggi kepada komuniti luar bandar menjelang tahun 2020. RTP memberi tumpuan bagi menarik pelaburan swasta untuk mempertingkatkan aktiviti ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan serta menyediakan kemudahan

bersesuaian dengan yang terdapat di bandar, untuk menarik golongan muda kembali, menetap atau bekerja di luar bandar.

Menyediakan Infrastruktur Asas Luar Bandar

4.4 Dalam tempoh RMKe-10, liputan jalan luar bandar telah meningkat sebanyak 11.7% iaitu daripada 45,905 kilometer pada tahun 2009 kepada 51,262 kilometer pada tahun 2014. Di Sarawak, sepanjang 250 kilometer bekas jalan balak telah dinaik taraf bagi menyediakan akses kepada 31,512 orang penduduk di kawasan yang masih belum mendapat kemudahan jalan raya. Dari segi utiliti, liputan bekalan elektrik luar bandar telah mencapai 97.6% dan bekalan air pada 93.8%, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 4-1*. Di samping itu, sebanyak 188,270 buah tangki air juga telah disediakan bagi membekalkan air bersih kepada 251,200 isi rumah di pedalaman Sabah dan Sarawak.

Paparan 4-1
Infrastruktur Asas Luar Bandar



Sumber: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Menambah Baik Penyampaian Perkhidmatan

4.5 Usaha bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan di luar bandar meliputi penubuhan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan mini RTC, Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (Mobile CTC) dan pelantikan ejen perbankan di seluruh negara. RTC ditubuhkan sebagai pusat sehenti bagi menyediakan pelbagai perkhidmatan Kerajaan dan swasta seperti pelesenan, perbankan, latihan dan aktiviti perniagaan. Kemudahan ini membolehkan masyarakat setempat menjalankan urusan niaga produk pertanian secara terus dengan pembeli, membeli barangan pada harga yang berpatutan dan menyertai program kemahiran dan pembangunan keusahawanan. Sehingga tahun 2014, sebanyak 8 buah RTC dan 213 buah mini RTC telah ditubuhkan dan memberi manfaat kepada satu juta orang.

4.6 Sebanyak 1,122 *telecentre* telah ditubuhkan untuk meningkatkan inklusiviti digital serta memupuk budaya inovasi dan kreativiti. Di samping itu, 5,737 kampung telah dihubungkan melalui Program Kampung Tanpa Wayar serta 971 menara telekomunikasi juga dibina. Peningkatan akses Internet membolehkan komuniti luar bandar dan pinggir bandar mendapat kemahiran dan pengetahuan, dan menjana pendapatan alternatif.

4.7 Sejumlah 77 program Mobile CTC telah dianjurkan dengan penglibatan lebih 50 agensi Kerajaan dan swasta. Program ini telah memberikan manfaat kepada hampir 135,000 penduduk. Program Mobile CTC merupakan *touch point* utama bagi menyediakan perkhidmatan Kerajaan kepada komuniti luar bandar, terutamanya di kawasan pedalaman. Aktiviti-aktiviti seperti sukan, khidmat komuniti serta perjumpaan sosial telah dianjurkan secara selari untuk merapatkan hubungan dan memupuk perpaduan. Mobile CTC juga menyediakan platform kepada kerajaan untuk menyalurkan bantuan secara terus kepada kumpulan sasar, termasuk kemudahan mikro kredit.

4.8 Usaha telah diambil bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan perbankan untuk komuniti luar bandar. Sejumlah 4,351 ejen Bank Simpanan Nasional (BSN) telah dilantik di kawasan luar bandar untuk menyediakan perkhidmatan perbankan termasuk transaksi simpanan dan pengeluaran, dan pembayaran bil. Ejen ini telah dilatih melalui sistem latihan berstruktur bagi memastikan kredibiliti dan andal dalam memberikan perkhidmatan.

Memperkukuhkan Aktiviti Ekonomi, Menggalakkan Keusahawanan dan Memperkasa Komuniti

4.9 Dalam tempoh RMKe-10, program Agropolitan telah mempercepat pembangunan kampung dan mewujudkan pelbagai aktiviti yang menjana pendapatan. Sebanyak 11 projek Agropolitan di lima buah negeri iaitu Pahang, Perak, Kedah, Sabah dan Sarawak telah dibangunkan merangkumi kawasan seluas 10,696 hektar, iaitu 4,249 hektar ladang kelapa sawit dan 5,150 hektar ladang getah. Program ini melibatkan seramai 2,628 orang peserta dan pembinaan 390 buah rumah.

4.10 Konsep Kampung Abad ke-21 yang diperkenalkan pada tahun 2013 adalah untuk menggalakkan belia menetap, bekerja atau memulakan perniagaan di luar bandar. Tiga program utama di bawah konsep ini adalah Program Desa Lestari, Ladang Buah-buahan dan Sayur-sayuran Berskala Besar dan *Rural Business Challenge* (RBC). Program Desa Lestari menumpukan kepada pengukuhan aktiviti ekonomi yang dikendalikan oleh koperasi kampung berdasarkan potensi khusus mereka. Di bawah program ini, sebanyak 57 buah kampung telah dipilih untuk menjalankan pelbagai projek ekonomi seperti pengeluaran madu kelulut, inap desa dan ternakan ikan air tawar. Program Ladang Buah-buahan dan

Sayur-sayuran Berskala Besar menggalakkan pengeluaran enam jenis buah-buahan tropika tidak bermusim dan tiga jenis sayur-sayuran tanah tinggi bernilai tinggi. Sehingga akhir tahun 2014, tiga buah ladang telah dibuka dan dikendalikan oleh pihak swasta iaitu di Pahang, Johor dan Terengganu bagi pengeluaran buah betik dan nanas. RBC adalah satu pertandingan untuk belia berumur 18 hingga 40 tahun mencadangkan rancangan perniagaan berdaya maju, sama ada perniagaan baru atau sedia ada dalam sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan di kawasan luar bandar. Tiga pertandingan telah dianjurkan dengan penyertaan lebih daripada 1,500 orang peserta dan sejumlah RM43.4 juta telah dikeluarkan untuk membiayai pelaksanaan cadangan perniagaan 74 orang pemenang.

4.11 Pada tahun 2014, struktur organisasi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) ditambah baik bagi mengukuhkan peranan dan meningkatkan profesionalisme. Pelantikan pengerusi dan setiausaha JKKK adalah melalui temu duga yang berdasarkan kepada kriteria seperti pencapaian pendidikan, tempoh perkhidmatan, kecekapan dan had umur. Di samping itu, elaun juga telah dinaikkan dan petunjuk prestasi utama diperkenalkan.

III. ISU DAN CABARAN

4.12 Kawasan luar bandar meliputi hampir 75% daripada keluasan negara. Dari segi populasi, peratusan penduduk yang tinggal di luar bandar telah menurun daripada 29.1% pada tahun 2010 kepada 26.3% pada tahun 2014. Bagi mentransformasi kawasan luar bandar, beberapa cabaran perlu ditangani.

Keupayaan Modal Insan yang Rendah

4.13 Dalam tempoh RMKe-10, peratusan penduduk luar bandar berumur 60 tahun dan ke atas telah meningkat daripada 9.4% pada tahun 2010 kepada 10.1% pada tahun 2014. Trend ini memberi isyarat bahawa terdapat keperluan untuk menangani isu berkaitan populasi menua seperti nisbah kebergantungan yang tinggi, kekurangan pekerja dan produktiviti yang rendah. Nisbah kebergantungan umur tua di luar bandar meningkat daripada 9.7 kepada 10.31, menunjukkan penduduk dalam kumpulan umur bekerja, iaitu 15-64 tahun perlu menanggung bilangan warga tua yang semakin meningkat. Dari segi pendidikan, hanya 9.1% penduduk luar bandar menamatkan pendidikan sehingga peringkat Diploma dan Ijazah dan 39% peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Tahap pendidikan yang rendah ini telah menjejaskan keupayaan tenaga kerja luar bandar untuk menyertai dan bersaing dalam pasaran buruh.

Pendapatan yang Rendah dan Peluang Pekerjaan yang Kurang Menarik

4.14 Walaupun pelbagai langkah telah diambil bagi meningkatkan pendapatan isi rumah, pendapatan bulanan purata bagi isi rumah luar bandar, iaitu sebanyak RM3,831 adalah 37.6% lebih rendah daripada peringkat nasional sebanyak RM6,141 pada tahun 2014. Pendapatan bulanan penengah juga adalah jauh lebih rendah, iaitu sebanyak RM3,123 berbanding peringkat nasional sebanyak RM4,585. Kebergantungan kepada punca pendapatan tunggal merupakan antara faktor yang menyumbang kepada pendapatan penduduk luar bandar yang rendah, terutamanya dalam kalangan petani dan nelayan. Di samping itu, kebanyakan pekerjaan yang ditawarkan adalah berintensifkan buruh dan bergaji rendah, menjadikan golongan belia kurang berminat.

Infrastruktur dan Kemudahan Asas Luar Bandar yang Tidak Mencukupi

4.15 Kawasan luar bandar masih kekurangan dari segi ketersambungan dan liputan bekalan air dan elektrik masih tidak menyeluruh. Keadaan ini telah menjejaskan pembangunan dan pengembangan aktiviti ekonomi di luar bandar dari segi pengeluaran, pemprosesan, pengedaran, jualan dan pemasaran produk serta akses kepada pembiayaan dan maklumat.

4.16 Kebanyakan kawasan di Sabah dan Sarawak, terutamanya di pedalaman masih tidak mempunyai jaringan jalan raya yang sempurna. Di samping itu, 19.4% daripada rumah di Sabah dan 18.3% rumah di Sarawak masih belum mendapat bekalan air bersih dan terawat. Manakala 5.9% daripada rumah di Sabah dan 9% rumah di Sarawak masih belum mendapat bekalan elektrik. Perkhidmatan pengangkutan awam di luar bandar juga masih terhad dengan caj dan kualiti pengangkutan awam sedia ada masih menjadi isu utama. Ini disebabkan oleh faktor geografi, kos operasi yang tinggi dan laluan yang tidak menguntungkan.

4.17 Kemudahan awam seperti dewan orang ramai, gelanggang futsal dan taman permainan kanak-kanak telah disediakan sebagai tempat berinteraksi bagi komuniti setempat. Walau bagaimanapun, objektif ini tidak tercapai sepenuhnya disebabkan oleh lokasi yang tidak sesuai dan kurang penyelenggaraan bagi kemudahan tersebut. Kelemahan ini telah menghadkan keupayaan bagi menjana pendapatan sewaan untuk menampung kos penyelenggaraan.

Kekurangan Sinergi dalam Mekanisme Pelaksanaan

4.18 Kekurangan penyelarasan dan komunikasi dalam kalangan kementerian dan agensi yang terlibat dalam pembangunan luar bandar telah menyebabkan pertindihan program dan projek serta keciciran dalam pelaksanaan. Isu ini juga telah menjadi cabaran bagi mewujudkan sinergi dan kerjasama antara agensi, memastikan penggunaan sumber yang optimum serta pemantauan dan penilaian projek secara lebih berkesan.

Produktiviti Rendah dan Kekurangan Integrasi

4.19 Kawasan luar bandar terutamanya di pinggir bandar kurang memanfaatkan faedah daripada pengembangan perbandaran disebabkan oleh hubungan yang lemah antara luar bandar dan bandar. Faktor ini telah menjejaskan pewujudan pekerjaan, tahap produktiviti dan pendapatan masyarakat luar bandar. Selain itu, kekurangan integrasi dalam aktiviti ekonomi luar bandar telah menghadkan peluang ekonomi dan menghalang penggunaan sumber secara optimum. Faktor seperti ketiadaan kepimpinan perniagaan yang berwibawa serta kekurangan infostruktur dan infrastruktur, sokongan logistik dan rangkaian pemasaran telah mengekang pertumbuhan ekonomi di luar bandar.

4.20 Penyediaan perkhidmatan jalur lebar yang tidak mencukupi juga telah menghadkan penggunaan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam kalangan usahawan luar bandar. Di samping itu, kebanyakan perusahaan ini bersaiz mikro dan kecil yang menggunakan pekerja tidak mahir dan teknologi tradisional. Faktor ini menyebabkan aktiviti ekonomi luar bandar kurang daya inovasi dan kreativiti.

IV. RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS, 2016-2020: HALA TUJU

4.21 Penekanan akan terus diberi untuk membangunkan luar bandar bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar walaupun populasi penduduk dijangka merosot daripada 25.7% pada tahun 2015 kepada 22.8% pada tahun 2020. Kawasan luar bandar akan ditransformasikan sebagai sebuah tempat yang menarik dengan infrastruktur dan kemudahan awam yang mencukupi dan disokong oleh aktiviti sosioekonomi yang mampan dan inovatif dan pada masa yang sama, memelihara tradisi dan warisan luar bandar. Dasar yang relevan akan terus dilaksanakan dan sistem penyampaian akan diperkemaskan.

4.22 Dalam tempoh RMKe-11, pelbagai strategi dan inisiatif akan dilaksanakan untuk mencapai sasaran yang ditetapkan seperti dalam *Paparan 4-2*.


Paparan 4-2
Jangkaan Outcome, 2020

Sasaran	Outcome
Ekonomi	
Membangunkan 300 usahawan Membangunkan 200 koperasi di kampung	Meningkatkan taraf ekonomi
Modal Insan	
Latihan kepada 500,000 peserta daripada pelbagai kumpulan sasaran	Modal insan yang lebih berpengetahuan dan berkemahiran
Infrastruktur dan Perkhidmatan Asas	
Membina dan menaik taraf jalan sepanjang 3,000 kilometer; Meningkatkan liputan bekalan air bersih dan terawat kepada 99%; Meningkatkan liputan bekalan elektrik kepada 99%;	Infrastruktur asas yang mencukupi dan berkualiti
Membina dan membaik pulih 47,000 rumah; Melantik 4,348 ejen BSN	Menambah baik perkhidmatan asas
Sistem Penyampaian	
Mewujudkan profil 17,900 kampung seluruh negara yang komprehensif melalui Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional	Menambah baik sistem penyampaian

4.23 Empat strategi utama yang akan dilaksanakan melalui 14 inisiatif adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 4-3*:

- Memperkukuhkan aktiviti ekonomi luar bandar
- Mempertingkatkan keupayaan modal insan
- Menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan asas luar bandar yang berkualiti
- Memperkemaskan sistem penyampaian

Paparan 4-3
Kanvas Strategi Mentransformasi Luar Bandar untuk Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat



Memperkuatkan Aktiviti Ekonomi Luar Bandar

4.24 Aktiviti ekonomi luar bandar akan diperkuatkan bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan produktiviti untuk menambah pendapatan masyarakat luar bandar. Pelbagai langkah akan diambil termasuk menggalakkan lebih banyak pelaburan swasta, menambah baik hubungan antara luar bandar dengan bandar, memperluaskan pelaksanaan program di bawah konsep Kampung Abad ke-21, menggalakkan penggunaan teknologi moden dan memperkasakan komuniti usahawan luar bandar.

Menggalakkan Lebih Banyak Pelaburan Swasta

4.25 Usaha akan dilaksanakan dengan kerjasama pihak berkuasa koridor ekonomi wilayah untuk menyediakan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif untuk menarik pelaburan nilai tambah tinggi ke luar bandar. Kerjasama antara kementerian dengan agensi berkaitan akan diperkuatkan bagi menyediakan infrastruktur, kemudahan logistik dan khidmat sokongan yang bersesuaian untuk memudahkan pelaburan sektor swasta. Dengan memanfaatkan tanah dan buruh sedia ada serta sumber asli, promosi akan dipergiat bagi menarik pelaburan di bidang khusus seperti ekopelancongan, perkhidmatan kesihatan tradisional serta produk herba dan organik.

4.26 Peranan RTC sebagai pusat perniagaan setempat akan dipertingkatkan bagi memudahkan urusan perniagaan, termasuk menyediakan maklumat mengenai kawasan yang berpotensi untuk pelaburan. Syarat dan peraturan berkaitan perniagaan akan dikaji semula bagi menyediakan persekitaran yang menyokong pelaburan di kawasan luar bandar. Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan negeri serta pihak berkuasa tempatan akan diperkukuh, terutama dalam hal berkaitan tanah, untuk mempercepat pewujudan perniagaan dan operasi. Insentif fiskal berdasarkan lokasi disediakan bagi kawasan tertentu di luar bandar bagi menarik pelaburan.

Menambah Baik Hubungan Luar Bandar-Bandar

4.27 Rangkaian hubungan antara luar bandar dengan bandar akan diperkukuh untuk meningkatkan ketersambungan dan mobiliti bagi memupuk integrasi ekonomi. Sistem pengangkutan akan disepadukan bagi menyediakan ketersambungan yang lebih baik dan laluan bas yang menjimatkan kos akan dikenal pasti untuk meningkatkan mobiliti. Usaha ini membolehkan perusahaan luar bandar untuk memasarkan barangan dan perkhidmatan ke kawasan pinggir dan pusat bandar.

4.28 Peranan RTC dan mini RTC akan dipertingkat sebagai conduit hubungan luar bandar-bandar. Infrastruktur ICT di pusat ini akan dinaik taraf dan rangkaian bersepadu diwujudkan untuk memberi sokongan kepada usahawan luar bandar. Usaha juga akan diambil bagi menggalakkan penduduk luar bandar untuk menyediakan perkhidmatan sokongan terutamanya dalam industri ekopelancongan.

Memperluas Pelaksanaan Program di bawah konsep Kampung Abad ke-21

4.29 Program di bawah konsep Kampung Abad ke-21 akan diperluas untuk menggalakkan lebih ramai bakat luar bandar untuk menetap, bekerja atau memulakan perniagaan di kawasan berkenaan. Pelbagai usaha akan diambil untuk menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam pelaksanaan program ini. Di bawah Program Desa Lestari, 100 buah kampung akan dipilih untuk melaksanakan projek ekonomi seperti inap desa, penanaman cendawan dan penyewaan jentera ladang melalui gerakan koperasi. Program RBC akan diperkukuh bagi menggalakkan penyertaan belia dalam perniagaan. Dalam hubungan ini, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) akan digalakkan untuk menyediakan bantuan kewangan dan sebagainya untuk menjalankan program RBC dan membimbing calon yang berjaya dalam melaksanakan model perniagaan mereka.

Menggalakkan Penggunaan Teknologi Moden

4.30 Langkah akan diambil untuk mengurangkan penggunaan teknologi tradisional dalam aktiviti pertanian. Agensi yang berkenaan akan bekerjasama rapat dengan masyarakat petani untuk mengguna pakai teknologi moden dan inovatif bagi menghasilkan produk bernilai tambah tinggi. Belia dan tenaga kerja mahir juga digalakkan untuk melaksanakan aktiviti pertanian yang mempunyai nilai tambah tinggi.

Memperkasakan Komuniti Usahawan Luar Bandar

4.31 Program pembangunan keusahawanan luar bandar termasuk Program Peningkatan Pendapatan akan diperluaskan untuk membangunkan lebih ramai usahawan tempatan. Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) iaitu Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA); Lembaga Kemajuan Wilayah Kelantan Selatan (KESEDAR); Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) akan terus melaksanakan Program Pembangunan Usahawan. RTC dan mini RTC akan bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi yang berkaitan untuk melaksanakan program latihan kemahiran ICT lanjutan untuk menggalakkan perniagaan luar bandar memanfaatkan e-dagang. Program ini termasuk transaksi perniagaan dalam talian seperti penciptaan laman web, pemasaran dalam talian dan e-pembayaran.

Mempertingkatkan Keupayaan Modal Insan

4.32 Keupayaan modal insan di luar bandar akan dipertingkatkan bagi membolehkan masyarakat menerima perubahan tanpa menjejaskan warisan luar bandar. Langkah meningkatkan kualiti modal insan termasuk memperkasakan masyarakat luar bandar, menggalakkan koperasi yang dipacu komuniti dan mengurangkan program latihan tanpa sokongan susulan.

Memperkasakan Masyarakat Luar Bandar

4.33 Kerajaan akan menganjurkan lebih banyak aktiviti penglibatan awam bagi menggalakkan masyarakat luar bandar menyuarakan pandangan dan keprihatinan mengenai perancangan sosioekonomi dan pembangunan di kawasan masing-masing. Aktiviti ini juga digunakan untuk mengenal pasti potensi belia yang mampu menjadi pemimpin masyarakat. Di samping itu, bagi meningkatkan keupayaan kepimpinan belia, program mentor mentee melalui kerjasama dengan JKKK diperkenalkan. Program latihan sedia ada kepada pemimpin masyarakat dan JKKK akan ditambah baik untuk memperkukuh peranan JKKK dan meningkatkan profesionalisme.

Menggalakkan Koperasi Dipacu Komuniti

4.34 Masyarakat luar bandar digalakkan untuk menubuhkan koperasi bagi mengukuhkan perusahaan perniagaan setempat. Koperasi ini akan meningkatkan rangkaian hubungan dengan kampung lain yang berkongsi aktiviti ekonomi yang sama bagi memanfaatkan daripada ekonomi bidangan dan mewujudkan pusat industri khusus. Dalam hubungan ini, kapasiti koperasi dipacu masyarakat akan diperkukuh melalui penyediaan program latihan kemahiran yang berkaitan terutamanya dalam pengurusan kewangan.

Mengurangkan Program Latihan Tanpa Sokongan Susulan

4.35 Pelaksanaan program latihan untuk masyarakat luar bandar secara ad hoc, tidak distruktur dengan baik dan tiada kesinambungan akan dikurangkan. Sebaliknya, program latihan berstruktur seperti Program Latihan dan Bimbingan Usahawan di bawah Program Pembangunan Perusahaan Luar Bandar (PPLB) yang menggabungkan modul perniagaan bagi meningkatkan kemahiran keusahawanan akan dipertingkatkan dan diperluas.

Memperluas Penyediaan Infrastruktur Asas Luar Bandar dan Perkhidmatan Asas yang Berkualiti

4.36 Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan akan terus menambah baik infrastruktur dan perkhidmatan asas luar bandar. Keutamaan akan diberi untuk menyediakan jalan raya yang lebih baik, bekalan air bersih dan terawat yang mencukupi dan bekalan elektrik 24 jam tanpa gangguan, terutama di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak serta kelompok kawasan pedalaman di Semenanjung Malaysia. Pangkalan data infrastruktur asas luar bandar yang bersepadu akan dibangunkan untuk memudahkan proses pengumpulan data dan perancangan infrastruktur luar bandar serta memastikan keberkesanan penyampaian infrastruktur utama bagi memenuhi keperluan masyarakat.

Meningkatkan Penyediaan Infrastruktur Asas Luar Bandar

4.37 Jalan baharu akan dibina dan jalan sedia ada, termasuk bekas jalan balak akan dinaik taraf untuk meningkatkan ketersambungan, terutamanya di Sabah dan Sarawak serta kawasan penempatan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Keutamaan akan diberikan kepada pembinaan jalan yang menghubungkan antara kampung, dan kampung dengan bandar yang terdekat. Dalam tempoh RMKe-11, sepanjang 3,000 kilometer jalan berturap akan dibina.

4.38 Program Bekalan Air Luar Bandar yang bertujuan membekalkan air bersih dan terawat secara langsung kepada setiap isi rumah akan diperluaskan dan melibatkan penyambungan setiap rumah kepada *meter stand* daripada sistem retikulasi. Sistem alternatif seperti sistem bekalan air graviti, telaga tiub dan penuaian air hujan akan digunakan di kawasan pedalaman dan terpencil. Liputan air di luar bandar akan mencapai 99% dan tambahan sebanyak 90,000 unit rumah akan dibekalkan dengan air bersih dan terawat. Di samping itu, penggantian paip lama dilaksanakan berdasarkan keutamaan dan keperluan. Syarikat swasta dan GLC digalakkan untuk memberi sumbangan kewangan dan bekerjasama dengan NGO untuk menyediakan kemudahan bekalan air alternatif di kawasan pedalaman sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR). Kerajaan akan merangka strategi jangka masa panjang bagi pengurusan sumber air bagi memastikan bekalan air bersih dan terawat yang mencukupi.

4.39 Program Bekalan Elektrik Luar Bandar akan terus memberikan tumpuan kepada penjanaan *off-grid* di kawasan pedalaman dan terpencil. Usaha juga akan diambil untuk mewujudkan kerjasama dengan NGO untuk membangunkan sumber tenaga yang boleh diperbaharui bagi komuniti luar bandar. Sistem alternatif iaitu solar hibrid dan hidro mini akan disokong dengan *micro-* dan *pico-grid* untuk meningkatkan liputan. Masyarakat tempatan akan dilatih dan digalakkan bekerjasama dalam penyelenggaraan kemudahan ini bagi memastikan kemampuan sistem bekalan elektrik alternatif di luar bandar. Liputan elektrik di luar bandar akan mencapai 99% dan tambahan rumah yang akan dibekalkan elektrik adalah 36,800 unit rumah.

Menambah Baik Perkhidmatan Asas

4.40 Program Mobile CTC iaitu program yang menyediakan perkhidmatan asas Kerajaan kepada masyarakat luar bandar, terutamanya di kawasan pedalaman akan diperluas dengan penyertaan lebih banyak agensi Kerajaan dan swasta. Program akan disesuaikan untuk memenuhi keperluan penduduk setempat.

4.41 Pelaksanaan program perkhidmatan perbankan luar bandar akan diperluas bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan kepada masyarakat luar bandar. Sebanyak 4,348 ejen perkhidmatan BSN akan dilantik untuk memperluas perkhidmatan kewangan di luar bandar. Di samping itu, bank lain digalakkan untuk menyediakan mesin pengeluaran tunai dan mesin deposit tunai di tempat strategik di luar bandar.

4.42 Liputan perkhidmatan penjagaan kesihatan utama akan diperluas antaranya membina lebih banyak klinik dan meningkatkan perkhidmatan Doktor Udara, terutama di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Klinik kesihatan dan klinik desa sedia ada akan dinaik taraf untuk memenuhi keperluan penduduk tempatan. Program capaian kesihatan akan terus diperkukuh dengan tambahan anggota perkhidmatan kesihatan profesional.

Usaha akan diambil untuk meningkatkan liputan program intervensi nutrisi untuk mengurangkan masalah kekurangan zat makanan dalam kalangan kanak-kanak di kawasan pedalaman. Lawatan pakar perubatan ke hospital daerah yang tidak mempunyai tenaga pakar akan ditambah untuk meningkatkan akses perkhidmatan kepada masyarakat luar bandar.

4.43 Usaha akan diambil untuk meningkatkan akses kepada perumahan yang selesa melalui pelaksanaan Program Bantuan Rumah. Kampung tradisional dan penempatan yang lebih tersusun akan diwujudkan untuk mengekalkan sosiobudaya dan warisan luar bandar serta menjadi tarikan pelancong.

Memperkemaskan Sistem Penyampaian

Menghapuskan Pertindihan Fungsi antara Agensi Kerajaan

4.44 Kerajaan akan menyediakan rangka kerja pembangunan luar bandar yang holistik bagi membezakan peranan pelbagai kementerian dan agensi yang terlibat dalam pembangunan luar bandar. Rangka kerja ini adalah untuk memastikan penggunaan sumber yang cekap dan mengurangkan pertindihan fungsi dengan menyelaraskan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan program.

Mewujudkan Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional

4.45 Sistem pangkalan data yang komprehensif dan bersepadu iaitu Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional akan dibangunkan untuk menyediakan profil kampung yang mempunyai JKKK. Pangkalan data tersebut yang mengandungi maklumat demografi, status sosioekonomi dan infrastruktur akan digunakan sebagai rujukan nasional dalam merancang program dan projek pembangunan luar bandar supaya lebih berkesan. Dalam tempoh RMKe-11, sebanyak 17,900 profil kampung di seluruh negara akan dimuat naik dalam sistem ini.

Meminimumkan Program dan Projek Pembangunan Luar Bandar yang Dilaksanakan Secara Sendirian

4.46 Kerjasama dan kolaborasi daripada pelbagai pihak berkepentingan akan diperkukuh untuk meminimumkan program dan projek pembangunan luar bandar yang dilaksanakan secara sendirian. Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara akan digubal sebagai rangka kerja spatial yang bersepadu bagi kementerian dan agensi berkaitan untuk mengenal pasti lokasi yang sesuai dalam melaksanakan projek pembangunan luar bandar.

Mengkaji Semula Peranan Lembaga Kemajuan Wilayah

4.47 Dalam tempoh RMKe-11, peranan LKW akan dikaji semula bagi memacu pembangunan sosioekonomi di kawasan masing-masing. LKW dengan kerjasama pihak berkuasa koridor ekonomi wilayah akan menyediakan kemudahan infrastruktur dan keperluan sosial yang mencukupi serta menarik pelaburan swasta bagi menjana aktiviti ekonomi dan mewujudkan pekerjaan kepada masyarakat setempat. LKW juga akan memberi sokongan kepada agensi berkaitan dalam melaksanakan program dan projek pembangunan sosioekonomi. Kapasiti LKW akan diperkukuh untuk melaksanakan projek yang dapat menjana pendapatan untuk menggalakkan pembiayaan sendiri.

V. KESIMPULAN

4.48 Strategi baru pembangunan luar bandar menjangkau lebih daripada penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan asas yang berkualiti dan mencukupi tetapi juga merangkumi pengukuhan aktiviti ekonomi, peningkatan keupayaan modal insan dan penambahbaikan sistem penyampaian. Pendekatan ini akan memanfaatkan potensi besar di luar bandar yang belum diteroka dengan menggembelng pelbagai pemacu pertumbuhan seperti keusahawanan, inovasi, teknologi dan penyertaan sektor swasta. Hubungan antara ekonomi bandar dan luar bandar akan diperkukuh untuk merencanakan pertumbuhan dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar.